# Samudera

Universiti Malaysia Terengganu
www.umt.edu.my
FEBRUARI 2013 BIL:46



ISSN 2229 - 8363

Zahin Ilman Kongsi Kejayaan

**Lekor *Burger***

UMT Johan Gamelan

**Kelab Usahaniaga UMT Menang RM10,000.00**

## Sidang **Redaksi**

**PENAUNG**
Naib Canselor UMT
YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

**PENASIHAT**
Pengarah Penerbit UMT
Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

**KETUA PENGARANG**
Rabil Sitta Abdul Rahman

**KETUA MEDIA**
Muhamad Noor Talhah Yahya

**PENGARANG**
Normardiana Mohammad Jaafar

**EDITOR**
Yusrina Omar

**PEREKA**
Adli Hashim

**JURUFOTO**
Mokhtar Ishak
Adli Hashim

**WARTAWAN KANAN**
Aliashim Albani

**WARTAWAN**
Raja Mohd Bazley Raja Ahmadle Akbar
Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh
Fadila Kasmawani Fakaruddin
Amyra Abdul Malik
Naqibah Rosli
Hazzira Tarmuzi
Fatin Nadzirah Zakaria




*Tinta* Ketua Pengarang

# Tahun 2013 Samudera Wajah dan Harapan Baharu!

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Masa begitu pantas berlalu. Sekejap sahaja kita telah berada dalam bulan Februari tahun 2013. Tahun ini juga mencatat sejarah baharu buat semua Sidang Redaksi *Samudera*. Majalah *Samudera* akan menjadi medium penghubung antara warga UMT dengan komuniti setempat. Semoga kehadiran *Samudera* akan mempereratkan lagi perhubungan warga UMT dengan masyarakat *Ganu Kite!*

Edisi kali ini *Samudera* akan memaparkan kejayaan hidup alumni UMT dalam ruangan Jejak Alumni. *Samudera* akan memaparkan graduan yang berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing untuk dijadikan tauladan kepada pelajar-pelajar UMT dan juga masyarakat *Ganu Kite! Samudera* kali ini juga mengupas isu penempatan pilihan pelajar sama ada kolej kediaman atau rumah sewa. Masing-masing mempunyai pandangan mereka sendiri sama ada mahu memilih untuk tinggal di kolej kediaman ataupun rumah sewa.

*Samudera* kini bukan sekadar memaparkan hal ehwal aktiviti warga UMT tetapi turut dibuka pemaparan buat masyarakat *Ganu Kite!* Memang sebahagian besar dalam kalangan warga UMT sama ada kakitangan mahupun pelajar adalah orang *Ganu Kite!* Hanya segelintir sahaja daripada kami adalah orang luar dari negeri Terengganu yang datang belajar dan juga bekerja di sini. Namun, pengalaman berada di "bumi" Terengganu dan bergaul dengan masyarakat *Ganu Kite* ini adalah suatu pengalaman indah yang sukar dicari ganti.

Kedudukan kampus UMT di pesisir pantai Laut China Selatan, menyediakan panorama indah yang tenang dan damai. Bagi sesetengah pelajar UMT yang berasal daripada negeri lain, kehidupan menuntut ilmu di sini mungkin hanyalah destinasi persinggahan sementara untuk menuntut ilmu, tetapi yang pasti kecaknaan dan keindahan budi masyarakat *Ganu Kite* akan tetap melekat di hati. Negeri Terengganu mempunyai budaya yang unik dan menarik!

Paling tidak, bagi mereka sebelum meninggalkan negeri Terengganu, pasti *kepok* (keropok) lekor atau *kepok keping* buah tangan wajib yang akan dibawa pulang ke kampung halaman. Tidak mustahil juga dalam kalangan perantau (pelajar mahupun kakitangan UMT yang berasal daripada negeri luar) ini, lebih "Terengganu" identiti mereka daripada masyarakat *Ganu Kite!* Bak *kate* orang *Ganu*, *negeri cantik budaya menarik* akan tetap di hati!

*Cik Bie.*

# Kandungan

**FOKUS UTAMA**
04-05 Kolej Kediaman atau Rumah Sewa?

**JEJAK ALUMNI**
06, 07 dan 08 Zahin Ilman terus mengukir Bintang dalam Kerjaya

**DIARI KAMPUS**
09 UMU Johan Gamelan IPT Terengganu
09 Pelajar UMT serlah bakat niaga
10 UMT dan UnisZA bergabung anjur *Accounting Students Conference* 2012
11 AFIDOTE Kembali Lagi!
11 Program Lab Minda 2012 Penggerak Usahawan
12 MAPEM anjur aktiviti Komuniti Masyarakat
12 Mahasiswa perkenal Lekor *Burger*
13 Minggu Penghayatan Matematik 2012
14 Jadi Individu Cemerlang sebelum pimpin orang lain
14 Bengkel Pengurusan Organisasi SOHOR UMT
15 Pelajar UMT raih tempat kedua Ikon Varsiti BH 2012
15 *Derita yang sunyi*

**GAYA HIDUP SIHAT**
16 Petua Panjang Umur
16 AWASI Demam Denggi
16 Berjalan Kaki Baik untuk Kesihatan

**GANU KITE**
17 Bahasa Ganu Kite!
17 Program UMT Degree++ SM (Perakaunan) UMT

**SUKAN**
18 Festival Tari *Artistry in Rhythm*
18 Kenali Presiden Majlis Sukan Pelajar 2012/2013
19 SUKMA XVI Pahang 2013: 9 pelajar UMT wakili Terengganu
19 UMT anjur kejohanan Badminton Wanita Piala Isteri Menteri Terengganu

**INFORMASI**
20 Impian ke Menara Gading (*Dream to University*)

# Kolej Kediaman atau Rumah Sewa?



oleh: **Fadila Kasmawani Fakaruddin**

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan tempat perkembangan ilmu pendidikan yang terulung abad ini. Banyak pusat pengajian tinggi yang ditubuhkan untuk membantu pelajar memperkembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Sehubungan dengan dasar serta matlamat itu, setiap universiti tidak kira di dalam atau luar negara haruslah mengambil langkah dengan memantap dan membangunkan pelajar yang tinggal di kolej kediaman kerana ramai pelajar beranggapan bahawa kehidupan di asrama atau kolej kediaman adalah tempat terbaik untuk mereka menyiapkan diri ke arah menjadi mahasiswa yang berdaya saing dan cemerlang dalam bidang akademik.

"Di mana mahu tinggal?", "Adakah berbaloi jika tinggal di rumah sewa?", "Bagaimana mahu ke kelas jika tinggal di luar?" Persoalan-persoalan seperti ini sering kali terlintas di minda setiap mahasiswa/i universiti apabila berakhirnya tahun satu memandangkan pelajar tahun satu prasiswazah bagi setiap sesi adalah wajib mendaftar dan menginap di kolej kediaman pada semester satu dan dua.

Antara kelebihan menetap di kolej kediaman adalah selain daripada sebagai tempat tinggal pelajar, ia juga turut berfungsi sebagai tempat berlakunya interaksi antara pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya. Kolej kediaman menjadi tempat mengembangkan kemahiran yang dimiliki dan menyediakan pembelajaran yang kondusif kepada pelajar.

Selain itu, kolej kediaman universiti berfungsi menyediakan prasarana penginapan bagi meningkatkan kebajikan dan perkembangan pelajar. Memandangkan proses pendidikan berlaku secara menyeluruh dan bersepadu, maka kolej kediaman pelajar harus diletakkan statusnya setaraf dengan universiti. Ia merupakan tempat yang strategik untuk membentuk perkembangan atau pembangunan pelajar seiring dengan fungsi universiti yang menyediakan pendidikan formal kepada para pelajar.

Di samping itu, keselamatan pelajar lebih terjamin jika tinggal di kolej kediaman berbanding tinggal di rumah sewa. Kelebihan tinggal di kolej kediaman ialah terdapat perkhidmatan pengawal keselamatan yang bertugas mengawasi kawasan kolej pada setiap masa daripada dicerobohi orang luar. Pelajar yang tinggal di kolej kediaman juga kurang terdedah daripada kemalangan jalan raya sewaktu pergi dan balik dari

kompleks kuliah atau fakulti memandangkan kebanyakan kolej kediaman terletak di dalam kawasan universiti sahaja. Sama ada kita sedar atau tidak, terdapat ramai pelajar yang tidak tinggal di kolej kediaman terlibat dalam kemalangan, terutama yang menunggang motosikal atau basikal.

Pada sisi lainnya, banyak juga kelebihan yang akan diperoleh jika pelajar memilih untuk tinggal di rumah sewa. Antaranya adalah pelajar lebih mengetahui cara hidup berdikari di mana semua perlu dilakukan sendiri seperti mencari rumah sewa yang berpatutan, mencari rakan serumah yang sesuai, menguruskan pengangkutan ke kuliah dan sebagainya. Tinggal di rumah sewa juga memberi peluang kepada pelajar dalam memilih rakan serumah yang akan tinggal bersama mereka. Sekiranya tinggal dengan individu yang lebih dikenali, masalah komunikasi atau tidak sependapat dalam membuat sesuatu keputusan sesama rakan serumah dapat dielakkan.

Selain itu, tinggal di rumah sewa juga dapat menjimatkan kos perbelanjaan di mana pelajar boleh memasak makanan sendiri tanpa perlu membeli makanan di luar yang belum tentu terjamin kebersihannya di mana sekali gus dapat mengelakkan masalah keracunanan makanan.

Secara kesimpulannya, tinggal di asrama mahu pun tinggal di rumah sewa mempunyai kelebihan tersendiri. Pelajar berhak menentukan pilihan masing-masing dan paling penting tidak kira tinggal di mana-mana sekalipun asalkan pelajar tidak lupa pada matlamat utama ke universiti iaitu berjaya dan cemerlang dengan minda kelas pertama.

*"Saya teruja tinggal di rumah sewa memandangkan ini pengalaman pertama saya untuk belajar berdikari sepenuhnya. Saya mendisiplinkan diri dengan belajar memasak dan membuat semua kerja-kerja bersama rakan serumah. Saya juga dapat belajar beramai-ramai dan belajar secara berkumpulan. Secara tidak langsung, ini membantu dalam meningkatkan prestasi pelajaran saya"*
*Azri Zawawi,*
*Sarjana Muda Pengurusan Maritim*

*"Apabila tinggal di rumah sewa, kebiasaannya saya akan memasak sendiri dan kurang membeli makanan di luar. Berdasarkan pengalaman sendiri, kos peruntukan untuk memasak sendiri adalah jauh lebih rendah dan jimat berbanding membeli makanan siap di luar. Apabila tinggal di rumah sewa, secara tidak langsung saya belajar untuk berjimat cermat kerana membayar sendiri segala perbelanjaan utiliti yang telah digunakan di rumah sewa."*
*Nurul Afidah Dabot,*
*Sarjana Muda Perakaunan*

*"Tinggal di rumah sewa memudahkan kita untuk mengulang kaji pelajaran bersama rakan-rakan. Apabila tingggal bersama rakan-rakan yang sama kursus dengan kita, kita akan lebih mudah untuk mengulang kaji pelajaran bersama di rumah dan tidak perlu bergerak jauh. Hal ini memudahkan kita untuk belajar selain menjimatkan kos dan masa sekiranya hendak ke perpustakaan untuk melakukan perbincangan."*
*Muhammad Hasnul Hadi Dzulkifli*
*Sarjana Muda Perakaunan*

*"Saya rasa seronok tinggal di kolej kediaman dan berpendapat bahawa tinggal di sini membawa banyak kebaikannya. Senior yang tinggal sebilik pun banyak membantu dan tidak sombong. Keselamatan lebih terjamin dengan adanya pengawal keselamatan di sekitar kolej kediaman dan secara tidak langsung banyak aktiviti di universiti dapat saya sertai. Tetapi saya merasakan ketiadaan air secara kerap memberi kesusahan kepada kami dan keadaan itu sedikit sebanyak menjejaskan aktiviti harian."*
*Khairatun Nadrah Osman*
*Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kimia)*

*" Saya selesa tinggal di kolej kediaman dengan adanya kemudahan wifi yang sedikit sebanyak membantu saya menyiapkan tugasan yang diberikan pensyarah dan jarak yang dekat antara hostel dan kompleks kuliah memudahkan saya untuk pergi ke kelas. Selain itu, kafe yang disediakan menjual pelbagai makanan yang sedap memudahkan pelajar untuk membeli makanan tanpa perlu membeli di luar."*
*Wan Noor Hasbi Wan Hassan*
*Sarjana Muda Pengurusan Maritim*

## Tips
**tinggal di rumah sewa**

- Cari rumah sewa di kawasan perumahan yang ramai penghuni.
- Pastikan ada perjanjian bertulis jelas antara penyewa dan tuan rumah.
- Pastikan anda selesa bersama rakan-rakan serumah.
- Pastikan kawasan yang didiami selamat untuk didiami.
- Maklum kepada balai polis berdekatan jika pulang bercuti dalam tempoh lama.
- Pastikan keselamatan di dapur semasa memasak.
- Jaga kebersihan dalam dan luar kawasan rumah.
- Elakkan daripada membuat bising yang boleh mengganggu ketenteraman jiran tetangga.
- Elak daripada meletakkan barang berharga seperti telefon bimbit, komputer riba, kamera wang tunai berdekatan dengan tingkap yang terbuka.

## Tips
**berjimat di rumah sewa**

- Berkongsi membeli barang keperluan dapur.
- Berkongsi memasak menu harian.
- Berpakat dengan rakan serumah menggunakan satu kereta (kongsi duit minyak).



# Zahin Ilman Terus Mengukir Bintang dalam Kerjaya

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman



Ahmad Zahin Ilman Othman, pernah menjawat jawatan Timbalan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008/2009 Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Beliau telah dua tahun meninggalkan kampus UMT dan kini mengukir nama sebagai *Agency Supervisor* berstatus *Premier (Silver)* di CIMB Wealth Advisors Bhd. Perwatakannya yang ramah menyenangkan sesiapa sahaja yang berurusan dengannya. Beliau juga tidak lokek berkongsi pengalaman dengan seluruh warga UMT sebagai "Jejak Alumni" pertama majalah *Samudera*.

***Samudera***: Assalamualaikum wbt, terlebih dahulu pihak *Samudera* mengucapkan terima kasih kepada En. Zahin Ilman kerana sudi menjadi individu pertama buat ruangan "Jejak Alumni" ini.

**Zahin Ilman:** *Waalaikumussalam wbt. Pertamanya saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Penerbit UMT kerana menjemput saya untuk berkongsi pengalaman, pendapat dan idea buat ruangan "Jejak Alumni". Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak Samudera kerana telah berjaya menjadi medium penghubung antara pihak pengurusan Universiti, mahasiswa dan masyarakat. Saya kagum dengan inisiatif murni pihak Universiti dalam usaha memperkasakan Alumni UMT. Saya percaya "Jejak Alumni" merupakan platform terbaik bagi graduan kita menyumbang kembali kepada Universiti. Tahniah!*

***Samudera***: Boleh En. Zahin Ilman ceritakan tempoh menjadi pelajar di UMT dan bergraduat pada tahun bila? Kursus pengajian apa?

**Zahin Ilman:** *Syukur ke hadrat Ilahi kerana selepas tiga tahun pengajian, di UMT akhirnya saya menamatkan pengajian dalam bidang Sarjana Muda Sains (Gunaan) Fizik, Elektronik & Instrumentasi. Saya bergraduat pada tahun 2010 dan merupakan penerima Anugerah Naib Canselor. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua*

*pensyarah khususnya Jabatan Fizik, pihak pengurusan Universiti, keluarga dan rakan-rakan.*

**Samudera**: Apakah pekerjaan Zahin sekarang? Perlu ceritakan pengalaman mendapatkan pekerjaan sekarang, mudah ataupun sukar. Dalam tempoh berapa lama selepas bergraduat Zahin mendapat tawaran pekerjaan ini?

**Zahin Ilman:** *Saya merupakan Agency Supervisor berstatus Premier (Silver) di CIMB Wealth Advisors Bhd iaitu salah sebuah anak syarikat bagi CIMB Group. Kepakaran saya ialah memberi khidmat nasihat kewangan kepada individu dan badan korporat. Saya ditawarkan untuk terlibat di dalam industri ini tiga bulan selepas menduduki peperiksaan semester terakhir iaitu dua bulan sebelum Majlis Konvokesyen. Bagi saya ianya mudah kerana saya sudah melakukan persediaan awal. Teori yang sentiasa saya pegang adalah sentiasa mendahului masa.*

**Samudera**: Pada pandangan Zahin, apakah pengalaman belajar di UMT memberikan kelebihan bagi Zahin untuk menjawat jawatan sekarang?

**Zahin Ilman:** *Ya. Sangat memberi kesan langsung terhadap perkembangan kerjaya saya! Apabila saya nilaikan kembali pengalaman belajar di UMT dan kesinambungan rentetan kejayaan yang saya perolehi di dalam industri, ia bukan hanya sekadar pengalaman malah lebih kepada 'character foundation development'. Terus terang saya katakan bahawa pengalaman yang saya perolehi sepanjang pengajian di UMT sangat membantu saya untuk maju ke hadapan. Antara pengalaman berharga yang saya perolehi adalah bagaimana saya boleh melatih diri untuk memiliki forward thinking. Sebagai seorang graduan, saya kini melihat bahawa, 'Average graduates may look into Career Opportunity, Excellent graduates seek for Career Growth and ExtraOrdinary graduates has elevate their standard to project Career Acceleration'. Justeru, bagi saya ia bukan sahaja setakat pengalaman belajar tetapi merupakan 'eksplorasi kendiri' yang sangat membantu dalam era pekerjaan.*

**Samudera**: Zahin juga aktif dalam aktiviti kokurikulum sepanjang pengajian di UMT, apakah antara aktiviti yang Zahin aktif sertai sepanjang belajar di UMT?

**Zahin Ilman:** *Sepanjang pengajian di UMT, saya banyak terlibat secara aktif dalam pertubuhan dan persatuan pelajar. Sebelum ini saya merupakan Timbalan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2008/2009, Ketua Pengarang Akhbar Samudera, Timbalan Ketua Sakretariat Pencegahan Rasuah, Pengacara Kelab Gemersik, Ahli Akasia, Ahli Kelab Fizik dan lain-lain. Selain memegang beberapa jawatan, saya juga terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelbagai program anjuran pihak Universiti, MPP, Persatuan dan Kelab. Menjadi pengarah dan jawatankuasa program juga merupakan kelaziman bagi saya. Namun saya tidak memegang kesemua jawatan yang ada tetapi saya betul-betul memilih setiap peluang yang datang dalam hidup saya. Setiap jawatan atau penglibatan saya di Universiti ada sebab uniknya yang tersendiri dan berbeza fungsinya antara satu sama lain. Hal ini kerana, ia memberikan diversification of expertise to train and develop my soft skills. Justeru, secara asasnya saya merancang aktiviti yang bakal saya masukkan ke dalam resume kelak. Saya juga mempunyai sistem rekod catatan aktiviti sendiri. Kata kunci yang saya pegang adalah; 'rancang resume anda dari awal'.*

**Samudera**: Bagaimana Zahin membahagikan masa antara tumpuan kepada akademik dan juga aktiviti kepimpinan serta persatuan?

**Zahin Ilman:** *Bagus soalan ini! Jarang adik-adik junior bertanyakan soalan ini semasa saya di Universiti dahulu. Tidak dinafikan bahawa setiap orang hanya memiliki 24 jam tepat. Di samping tugas hakiki sebagai pelajar untuk memastikan tumpuan terhadap akademik, tanggungjawab sampingan yang saya galas juga perlu diberi perhatian rapi. Tiga kunci rahsia yang saya pegang adalah:*

*1) Komitmen yang tinggi akan menjadikan kita tertekan atau menekan potensi diri, kita yang tentukan. Jika saya memilih untuk tertekan dengan keterbatasan masa yang ada maka saya akan gagal menyempurnakan kedua-dua tugas. Namun, apabila saya memilih untuk menekan potensi diri maka minda dan badan akan berintegrasi secara aktif dalam menjalankan tugas dengan lebih efektif, tersusun dan menggunakan Major Time bagi perkara-perkara berprioriti tinggi.*

*2) Leverage pada kelebihan rakan. Saya sedar bahawa saya tidak pakar dan tahu semua perkara. Justeru, saya sangat bersyukur di kelilingi oleh sahabat-sahabat yang melengkapi apa yang saya kurang mahir terutamanya dalam bidang akademik. Jujur saya katakan bahawa ada subjek-subjek tertentu yang saya sangat perlukan tunjuk ajar tambahan daripada rakan sekuliah. Justeru, saya leverage kelebihan mereka dalam subjek tertentu dan exchange nilai yang saya ada membantu mereka dalam aspek lain. Pada saya kita tidak boleh menjadi 'siput sedut' yang hanya tahu untuk seduuuuut sahaja dari rakan tanpa mengamalkan konsep 'exchange value'.*

*3) Bahasa Minda yang Positif. Ini merupakan solex utama yang saya pegang dari dahulu untuk memastikan kebanyakan perkara yang saya rancang menjadi. Bila saya amati, sebenarnya bentuk pemikiran positif ini bukanlah secara semula jadi ada dalam diri saya tetapi merupakan encouragement daripada keluarga, pensyarah dan rakan-rakan. Bila saya berasa berat dan mula memikirkan bahawa saya tidak mampu melakukannya mesti ada pensyarah dan rakan-rakan yang meneutralkan kembali pemikiran saya. Lama kelamaan ianya menjadi automatik dan boleh berfungsi secara sendiri.*

**Samudera**: Boleh Zahin ceritakan pengalaman pekerjaan sekarang? Adakah Zahin berasa seronok melaksanakannya?

**Zahin Ilman:** *Lebih daripada seronok. I would say that I Extremely Excited about my Career Acceleration towards Quantum Growth! Hampir dua tahun berada dalam industri kewangan dan saya berasa sangat bertuah, bersyukur dan ingin lebih maju dalam*



industri ini. Mengurus aset melebihi RM3.5 juta di bawah jagaan saya merupakan cabaran nyata dan memerlukan komitmen yang tinggi. Terkini, saya baru sahaja dianugerahkan sebagai 'Certified Master Trainer (CMT)' oleh Lawrence Walter Seminars. Penganugerahan ini dinilai secara teliti oleh Dr. Lawrence Walter Ng, Chief Master Trainer yang berpengalaman lebih daripada 20 tahun serta telah melatih lebih daripada 1,000,000 individu di 10 buah negara di Asia Pasifik. Sebagai seorang Master Trainer, saya juga pernah dijemput oleh SEGi University Collage untuk memberi seminar kepada lebih 100 pelajarnya dan MRSM Felda Trolak bagi memberi tips temu duga kepada lebih 200 pelajar yang bakal menduduki temu duga. Dalam aspek kerjaya juga, saya telah memenangi anugerah konsultan bertaraf Premier bagi kategori Silver dan pelbagai anugerah-anugerah dan penghargaan kecemerlangan. Pengalaman paling berharga bagi saya adalah kebolehupayaan untuk menembusi High Net Worth individuals sebagai private client yang terdiri daripada General Managers syarikat-syarikat GLC sehingga Asia Pasific Region Director bagi syarikat global. Bagi saya, perkongsian pengalaman daripada individu yang sangat berjaya ini merupakan khazanah yang saya miliki untuk dikongsi bersama adik-adik saya. Ia merupakan rezeki kepada saya untuk semua.

**Samudera:** Apakah nasihat Zahin kepada adik-adik mahasiswa/mahasiswi UMT dalam pelajaran dan juga adakah tips atau petua yang boleh dikongsikan untuk berjaya dalam pelajaran?

## 5 Success Key Principles:

1) Mingle with the Right person.
2) Read the Right books.
3) Listen to the Right songs.
4) Attend the Right trainings/ seminars.
5) Be teachable to your Guru/ Mentor.

**Zahin Ilman:** Kalau diikutkan kehendak untuk berkongsi memanglah banyak tetapi saya simpulkan dalam lima fokus utama yang adik-adik boleh gunakan untuk betul-betul maju dalam pelajaran seterusnya hidup. Lima fokus utama ini saya pelajari daripada mentor saya ini bernilai belasan ribu yang saya invest sendiri untuk mempelajarinya. Saya harap adik-adik hargainya, fahami prinsipalnya dan amalkan.

5 Success Key Principles:
1) Mingle with the Right person.
2) Read the Right books.
3) Listen to the Right songs.
4) Attend the Right trainings/ seminars.
5) Be teachable to your Guru/ Mentor.

**Samudera:** Boleh kongsi petua menjadi mudah untuk mendapatkan pekerjaan?

**Zahin Ilman:** Saya sendiri tidak tahu apa petua mudah untuk mendapatkan pekerjaan tetapi saya percaya bahawa 'Successful person have a set of Right behavior pattern and Failure also have their own standard Wrong behavior pattern'. Hendak berjaya dapat kerja bagi saya tiru orang yang berjaya dalam kerjaya yang kita hendak ceburi. Mesti ada satu pattern atau value yang berbeza daripada orang lain menjadikan mereka berjaya. Rajin-rajinlah berhubung dengan senior-senior anda bagi bertanyakan tentang peluang yang ada. Penting untuk anda ingat bahawa persiapan kerjaya bukan bermula selepas selesai majlis konvokesyen tetapi seawal anda menjejakkan kaki ke UMT. Satu rahsia yang ingin saya bocorkan adalah, saya membuat persiapan untuk bergraduat sebagai penerima anugerah Naib Canselor seawal hari pertama konvokesyen semasa saya masih berada di tahun pertama. Sebab itulah semua penglibatan saya pilih secara spesifik dan mempunyai keunikan tersendiri kerana saya membuat persediaan lebih awal. Justeru, saya berharap agar adik-adik mendapat manfaat daripada perkongsian saya. Saya boleh dihubungi di talian 013-9950089 atau email kepada info.zahin@gmail.com. Komunikasi atas talian yang paling segera adalah www.facebook.com/zahin.ilman . Sekian, terima kasih.

# UMT Johan Gamelan IPT Terengganu

oleh: Suriati Khalid, Muhammad Shahrul Azmi Hasan
Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Pejabat HEPA

Kumpulan Gamelan Pelajar UMT telah menyertai Pertandingan Gamelan antara IPT Terengganu bersempena dengan Moonsun Cup 2012 yang telah diadakan pada 5 Disember 2012 bertempat di Ri-Yaz Heritage & Marina Resort, Pulau Duyong.

Kumpulan Gamelan Pelajar UMT dan Kumpulan Gamelan Pelajar Kokurikulum (Tahun 1) telah memenangi tempat pertama dan kedua pada pertandingan tersebut dan membawa pulang hadiah wang tunai RM1000.00 bagi tempat pertama dan RM800.00 bagi tempat kedua.

Dalam pertandingan ini, setiap kumpulan yang bertanding, mestilah mempersembahkan sebuah lagu wajib (gamelan melayu) dan sebuah lagu gubahan dengan hanya menggunakan enam alatan muzik gamelan sahaja.

Turut serta dalam pertandingan itu adalah kumpulan daripada UniSZA, UiTM (Chendering/ Dungun), Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Teknologi Bestari.



*Kumpulan Gamelan Pelajar UMT dan Kumpulan Gamelan Pelajar Kokurikulum (Tahun 1) bersama hadiah yang dimenangi mereka.*

# Pelajar UMT serlah bakat niaga

oleh: Nor Ismadi Izhan Ismail
Pusat Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pejabat HEPA

Program UMT Youngpreneurs Kali Ke-2 bagi tahun 2012 yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Usahawan dan Koperasi, HEPA, UMT dan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) telah diadakan pada 6-8 Disember 2012, bertempat di Pusat Dagangan Terengganu (TTC). Program ini dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo.

Seramai 1,180 orang pelajar daripada pelbagai fakulti, Universiti Malaysia Terengganu dan Usahawan Terengganu telah menyertai Program UMT Youngpreneurs ini. Program seumpama yang diadakan buat kali ke-2 tahun 2012 ini diperhatikan telah menonjolkan lebih ramai pelajar-pelajar yang berbakat dalam bidang keusahawanan dengan kepelbagaian jenis perniagaan dan aktiviti jualan yang dipilih bersama-sama dengan para mentor mereka. Sambutan daripada pengunjung juga lebih ramai dan menggalakkan. Para pelajar juga melahirkan rasa puas hati dan gembira mereka kerana diberi peluang oleh UMT untuk merasai sendiri pengalaman sebenar berurus niaga dengan masyarakat luar di samping dapat mengaplikasi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari di UMT. Dengan penganjuran program seumpama ini adalah diharapkan akan memberi keyakinan dan semangat kepada pelajar untuk menceburkan diri dalam kerjaya dan bidang keusahawanan. Selain itu, ia juga dapat memupuk pembudayaan keusahawanan di kalangan mereka.



*Naib Canselor UMT (dua dari kiri), YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo mendengar penerangan pelajar yang terlibat berniaga di program tersebut.*

Transformasi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi bagi mencapai status negara maju menjelang 2020 tidak mustahil dapat dicapai dengan adanya lebih ramai usahawan siswazah pintar dan berani menceburkan diri ke dalam dunia usahawan dan perniagaan di mana mereka inilah yang akan bertindak sebagai pemangkin pencetus transformasi negara ini.

# UMT dan UniSZA bergabung anjur *Accounting Students Conference 2012*



**oleh:** **Nur Shaida Mohd Adnan, Sarjana Muda Perakaunan**
**Dr. Akmalia Mohamad Ariff, Jabatan Perakaunan dan Kewangan**

Hasil kerjasama Malaysian Institute of Accountants (MIA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), program 'Accounting Students Conference 2012' (ASC 2012) telah berlangsung dengan jayanya pada 10 hingga 11 November 2012 bertempat di Bukit Keluang Beach Resort, Terengganu. Diketuai oleh Saudara Muhamad Shahrull Nizam Abd Razak daripada Kelab Himpunan Siswa-Siswa Perakaunan (HISAAC) selaku pengarah program, ahli jawatankuasa ASC 2012 terdiri daripada pensyarah-pensyarah penasihat dan 27 pelajar daripada Jabatan Perakaunan dan Kewangan, UMT serta pensyarah-pensyarah penasihat dan 17 pelajar daripada Jabatan Perakaunan, UniSZA. Program peringkat kebangsaan yang bertemakan; *'Accountants: Not Just Number Crunchers'* ini berjaya menarik minat 225 orang peserta daripada 14 IPTA dan IPTS seluruh Malaysia.

Di samping kerjasama yang menyeluruh daripada Malaysian Institute of Accountants (MIA), kejayaan ASC 2012 adalah hasil sokongan penaja seperti Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia (KPT), Salihin Consulting Group, MAYBANK, ACCA, MICPA, ICAEW, AXP Solutions Sdn. Bhd. dan beberapa penaja lain.

Program ASC 2012 dimulakan dengan perasmian oleh YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UMT bagi mewakili YB. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Hadir sama dalam majlis perasmian tersebut ialah YBhg. Prof. Dr. Amran Ahmed, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UniSZA, YBrs. En. Abdul Rahim Abdul Hamid, Naib Presiden MIA dan wakil-wakil penaja. Majlis perasmian program ASC 2012 diserikan lagi dengan penyampaian *'Best Accounting Students Award'* oleh Malaysian Institute of Accountants (MIA) bagi meraikan pelajar-pelajar terbaik dalam bidang perakaunan di institut pengajian tinggi seluruh Malaysia. Saudari Lim Suk Ling, pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Perakaunan UMT, adalah merupakan salah seorang penerima anugerah berprestij tersebut.

Bersesuaian dengan temanya *'Accountants: Not Just Number Crunchers'*, pelbagai pengisian ilmiah yang menarik dan bermanfaat telah disediakan kepada para peserta sepanjang program yang berlangsung selama 2 hari itu. Pengamal industri daripada Mohd Ali Abas & Co., Ramli & Co., Salihin Consulting, Razali Abd. Karim & Co., iPerintis Sdn. Bhd. dan Pejabat Bendahari UMT telah dijemput bagi memberi pendedahan kepada peserta berkaitan bidang-bidang yang boleh diceburi sekiranya mempunyai kelayakan dalam bidang perakaunan. Selain daripada pengisian ilmiah, program ASC 2012 menganjurkan aktiviti fizikal bagi membina jati diri dan tahap keyakinan diri peserta. Pertandingan debat antara universiti, yang merupakan program yang paling interaktif sepanjang ASC 2012, telah memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pendapat berkenaan isu terpilih. Program ASC 2012 juga berjaya menerapkan unsur kerjasama di kalangan peserta melalui aktiviti berkumpulan yang diadakan sepanjang program.

Secara keseluruhannya, program ASC 2012 telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mendekatkan jurang di antara pengetahuan akademik pelajar dan aplikasi industri dalam dunia sebenar. Program ASC 2012 dilihat sebagai usaha untuk membuka minda pelajar perakaunan mengenai bidang-bidang yang boleh diceburi dengan kelayakan yang bakal diperolehi.

# AFIDOTE Kembali Lagi!

oleh: Raja Mohd Bazley Raja Ahmadle Akbar

UMT Anugerah Filem Dokumentari Terbaik (AFIDOTE) merupakan salah satu majlis yang menjadi tradisi mahasiswa-mahasiswi Pengurusan Maritim (MAPEM) pada setiap tahun. Majlis ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai dan mengiktiraf keupayaan mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang penghasilan filem dokumentari pendek terutamanya dalam aspek pengauditan, pengacaraan, pencarian maklumat, kesungguhan, kebolehan kerja berkumpulan, idea yang dipersembahkan dan sebagainya. Majlis AFIDOTE ini telah berlangsung di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu dengan bertemakan gaya moden kontemporari pada 9 Disember 2012. Majlis ini turut melibatkan kesemua mahasiswa dan mahasiswi tahun satu, dua dan tiga.

Majlis ini lebih tertumpu kepada mahasiswa tahun tiga sahaja kerana mereka merupakan peserta bagi pertandingan terbabit. Walaupun begitu, kehadiran mahasiswa dan mahasiswi MAPEM tahun satu dan dua amat digalakkan untuk memeriahkan majlis berkenaan di samping dapat menimba pengalaman untuk menghasilkan dokumentari yang terbaik apabila mereka melangkah ke tahun akhir nanti. Pendedahan yang lebih awal ini telah memberikan gambaran kepada mahasiswa tahun satu dan dua terhadap persoalan bagaimana cara untuk menghasilkan dokumentari melalui pengalaman senior-senior tahun tiga pada ketika itu atau tentatif program terbabit dilaksanakan dan bagaimana hasil kerja mereka akan dinilai kelak serta ciri-ciri yang diambil kira sebagai pemarkahan.

Sebelas anugerah telah dipertaruhkan pada tahun ini. Hasilnya, G-Mart Pictures menjadi johan keseluruhan bagi pertandingan tersebut. Malam AFIDOTE ini turut melibatkan pensyarah dari Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM) sebagai tetamu kehormat. Pelbagai persembahan daripada mahasiswa dan mahasiswi turut dipertontonkan. Majlis AFIDOTE ternyata memberikan banyak faedah dan kelebihan kepada MAPEM untuk lebih berdaya saing dalam bidang pekerjaan. Penghargaan turut diberikan kepada Datin Norhayati Hj. Shariff kerana beliau berusaha sedaya upaya menjayakan program terbabit demi masa depan anak didiknya. Kehadiran beliau dan Dekan FMSM, iaitu Prof. Dr. Wan Mohd Norsani Wan Nik turut menyerikan lagi majlis berkenaan. Di samping itu, turut hadir memeriahkan majlis berkenaan ialah Exco Perpaduan dan Integrasi Majlis Perwakilan Pelajar iaitu Mohammad Nor Khasbi Jarkoni. Majlis AFIDOTE ini juga merupakan gabungan bagi majlis *Maritime Red Carpet Dinner*.

# Program *Lab* Minda 2012 Penggerak Usahawan

oleh: Nor Ismadi Izhan Ismail
Pusat Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pejabat HEPA




Pusat Pembangunan Usahawan dan Koperasi, HEPA telah mengadakan Program Lab Minda 2012 pada 1 hingga 4 November 2012 bertempat di Sutera Inn, Kota Bharu, Kelantan. Program ini termasuk di dalam kalendar Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan mendapat sokongan kewangan daripada kementerian tersebut.

Kursus ini telah disertai seramai 60 orang pelajar daripada pelbagai fakulti. Kursus yang dianjurkan ini bertujuan memberi pendedahan, pengalaman melalui latihan dan menggalakkan pelajar memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan. Selain itu, ia juga dapat memupuk pembudayaan keusahawanan di kalangan mereka. Kursus ini juga turut menjemput beberapa agensi seperti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, SME Corp., Institut Keusahawanan Negara, Tokoh Usahawan Setempat, MARA dan beberapa agensi perbankan lain untuk menerangkan tentang peranan dan tanggungjawab agensi masing-masing yang berperanan dalam membangunkan usahawan di negara ini.

Siswa yang mengikuti Lab Minda dengan jayanya akan diberi sijil oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan seterusnya layak mendapat kemudahan pinjaman daripada Tabung Usahawan Siswazah (TUS) setelah pengajian tamat tanpa perlu mengikuti Program Skim Usahawan Siswazah yang menjadi prasyarat kepada permohonan kewangan di bawah tabung berkenaan.

# MAPEM anjur Aktiviti Komuniti Masyarakat



oleh: **Raja Mohd Bazley Raja Ahmadle Akbar**

Baru-baru ini telah berlangsung satu program Aktiviti Komuniti Masyarakat yang telah dianjurkan oleh Mahasiswa Pengurusan Maritim (MAPEM) Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Aktiviti ini membuktikan bahawa wujudnya kerjasama antara MAPEM dengan masyarakat di Kampung Gong Baru, Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu. Beberapa aktiviti riadah dan santai turut diaplikasikan dalam program komuniti bersama masyarakat ini.

Antaranya, aktiviti gotong-royong, sumbang bakti insaniah ke rumah warga emas, pengambilan keluarga angkat, motivasi anak kampung, ceramah untukmu Palestin, kutipan derma dan pemeriksaan kesihatan. MAPEM telah menunjukkan kesungguhan dalam menjayakan program ini. Buktinya, mereka telah memperuntukkan wang tabung kelab sendiri untuk menyediakan semua kemudahan seperti pengangkutan, tempat tinggal dan juga makanan.

Program ini telah melibatkan semua siswa siswi MAPEM tidak kira tahun satu, dua atau tiga. Ini jelas membuktikan kerjasama antara semua ahli MAPEM dalam menjayakan program-program yang dilaksanakan. Kejayaan program komuniti bersama masyarakat ini telah menarik perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Buruk, YB Dato' Che' Mat Jusoh turut turun padang bagi menyampaikan beberapa penghargaan kepada MAPEM seperti cenderamata. Pertalian antara MAPEM dan komuniti bukan berhenti di sini sahaja kerana pelbagai aktiviti lain akan dirancang dan dilakukan di penempatan yang sama.

Penganjuran aktiviti pengambilan keluarga angkat bertujuan untuk mengeratkan hubungan MAPEM dengan masyarakat setempat. Menurut Exco Kerohanian Majlis Tertinggi MAPEM, Azeri Fauizan Muhammad, program-program yang dilaksanakan berupaya menyedarkan mahasiswa tentang pentingnya hubungan bersama masyarakat setempat. Ini kerana, setiap mahasiswa dan mahasiswi yang menimba ilmu pengajian di mana-mana akan kembali kepada kehidupan bermasyarakat setelah mereka menamatkan pengajian mereka nanti. Menurutnya lagi, perancangan awal terutamanya dari aspek kewangan penting dalam menjayakan sesuatu program. Tindakan sebegini mampu memberikan persepsi yang baik dan pendedahan kepada masyarakat tentang kewujudan bidang maritim. Program ini mendapat penajaan daripada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Gong Baru, AADK, ADUN Batu Buruk dan ramai lagi. MAPEM juga menjalankan aktiviti berunsurkan kesukanan.

# Mahasiswa UMT perkenal lekor Burger




*Pameran produk yang dijalankan oleh para peserta.*

oleh: **Hazzira Tarmuzi**

Karnival pelancaran produk makanan oleh pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan dan Pekhidmatan Makanan telah dianjurkan oleh Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM) bertempat di Dataran Fakulti Sains dan Teknologi pada 13 Disember 2012. Karnival yang berlangsung selama sehari ini telah memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda untuk memperkenalkan produk makanan yang telah diinovasikan dengan cara mereka sendiri. Karnival ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar meskipun pelancaran produk ini diadakan secara kecil-kecilan.

Pelbagai jenis produk makanan yang baharu dilancarkan oleh para pelajar tahun akhir ini iaitu biskut ayam, *nutri multi-grain muffins*, lekor burger dan banyak lagi. Para pelajar mempunyai kreativiti dalam mengolah makanan mengikut cita rasa pengguna masa kini. Sebagai contoh, burger yang dagingnya diperbuat daripada keropok lekor, jem jagung, coklat yang berintikan nangka serta pasta yang diperbuat daripada cendawan. Kebanyakan produk makanan yang diperkenalkan sangat unik dan mempunyai rasa yang berbeza dengan produk-produk yang berada di pasaran sekarang. Para pelajar masing-masing bertungkus lumus untuk menarik pengunjung untuk merasai kelazatan makanan mereka dan bersedia memberi penjelasan kepada setiap pertanyaan daripada pengunjung gerai mereka.

Menurut salah seorang pengunjung karnival pelancaran produk makanan ini, karnival ini sangat menarik kerana pengunjung diberi kesempatan untuk merasai keenakan dan kelazatan makanan yang jarang ditemui di pasaran. Karnival ini membuka peluang yang dapat memberi pandangan terhadap produk-produk baharu ini bagi menambah kepelbagaian produk makanan yang sedia ada. Para pensyarah yang terlibat juga turut berada di tapak karnival untuk menilai setiap produk yang diperkenalkan oleh para pelajar.

# Minggu Penghayatan Matematik 2012

**oleh:** Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh
**Sumber:** Himpunan Mahasiswa Matematik (HIMMAT)

Himpunan Mahasiswa Matematik (HIMMAT) UMT telah menganjurkan Minggu Penghayatan Matematik 2012 (MPM 2012) pada 7-14 Disember 2012. MPM 2012 ini mendukung beberapa objektif. Antara objektif tersebut adalah menguji dan menambah ilmu pengetahuan mahasiswa dalam bidang Matematik, memberi peluang kepada mahasiswa Matematik untuk mendalami ilmu Matematik dengan lebih kreatif dan inovatif, menjalinkan hubungan silaturahim antara mahasiswa Matematik melalui penglibatan dalam aktiviti yang disediakan, meningkatkan lagi kemahiran insaniah mahasiswa Matematik UMT dan menjadi salah satu medium untuk memperkenalkan Matematik dan HIMMAT di UMT.

Sepanjang minggu ini, terdapat tujuh aktiviti yang telah dilangsungkan. Aktiviti pertama adalah Bicara Kerjaya yang dilangsungkan beriringan dengan Majlis Perasmian Minggu Penghayatan Matematik 2012 dan diteruskan lagi dengan Pertandingan Burumatik. Bicara Kerjaya merupakan satu aktiviti berkonsepkan ceramah motivasi, dengan jemputan penceramah luar bagi mengisi slot itu dengan tajuk; 'Hala Tuju Mahasiswa Selepas Bergraduat' dan disertakan dengan pengisian lain seperti motivasi diri dan persediaan dalam menempuh alam pekerjaan dan dunia luar. Manakala bagi aktiviti Burumatik, aktiviti ini berkonsepkan penerapan aktiviti lasak yang disertakan dengan aplikasi elemen Matematik dalam kehidupan seharian yang mana terbuka kepada semua mahasiswa UMT tanpa mengira tahun pengajian dan program. Aktiviti berikutnya adalah Pertandingan Olimpiad. Pertandingan ini merupakan suatu pertandingan yang mengukur kebolehan mahasiswa dalam menyelesaikan masalah dengan menggunakan kreativiti dan disertakan dengan aplikasi-aplikasi matematik. Soalan-soalan bagi pertandingan ini disediakan oleh pensyarah di Jabatan Matematik yang berpengalaman dan pakar dalam bidang olimpiad.

MPM 2012 ini diteruskan lagi dengan aktiviti Pesta Sukan. Pesta Sukan ini mempertaruhkan dua acara iaitu futsal dan bola jaring. Pesta Sukan ini melibatkan lapan kumpulan yang disertai oleh semua mahasiswa Matematik. Pesta Sukan ini diadakan dengan tujuan bagi melahirkan pelajar yang sihat fizikal dan mental. Selain itu, aktiviti ini juga dapat memupuk semangat kesukanan dan setiakawan serta dapat mengeratkan lagi hubungan antara mahasiswa matematik.

Aktiviti seterusnya adalah Gerai dan Pameran HIMMAT dan ini merupakan satu-satunya aktiviti yang berlangsung secara berterusan sepanjang MPM 2012 ini. Selain membuat pelbagai jenis jualan, aktiviti ini juga memberi peluang kepada mahasiswa bagi mempamerkan laporan Latihan Industri (LI) dan hasil Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) mereka serta sedikit sebanyak menambah pengetahuan pelajar mengenai Jabatan Matematik (JAMAT) UMT. Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti dan pertandingan yang boleh disertai oleh mahasiswa UMT sepanjang aktiviti Gerai dan Pameran HIMMAT berlangsung. Antaranya adalah *kaaroksmath*, Lepak *Chill Math* dan ceramah bertajuk; 'Rintihan Gaza' yang disampaikan oleh setiausaha Aqsa Syarif Terengganu, En. Masrul Arifin bin Mohd Nazir,.

Pertandingan Senimatik pula menyusuri MPM 2012 sebelum tirainya dilabuhkan dengan *Family Day* HIMMAT. Pertandingan Senimatik merupakan suatu aktiviti



*Majlis perasmian pembukaan Minggu Penghayatan matematik yang dirasmikan oleh penasihat HIMMAT 2012/2013, Prof. Madya Dr. Sabri bin Ahmad.*



*Penceramah jemputan bagi program Bicara Kerjaya 2012, En. Hamzah bin Kammapu.*

kesenian yang diterapkan ke dalamnya unsur-unsur aplikasi Matematik, pertandingan ini disertai oleh 12 orang peserta dan dijurikan oleh Nurul Adila binti Zamri, Exco Protokol, Etiket dan Pembangunan diri (Majlis Perwakilan Pelajar UMT) dan Mohamad Fikri Khair bin Mohd Farhan, Presiden Kelab *Voice of Harmony* (VOH) UMT. Program *Family Day* HIMMAT diadakan pada 14 Disember 2012 bertempat di pantai UMT bermula jam 2.00 petang hingga 6.00 petang. Seramai 130 orang peserta yang terdiri daripada ahli HIMMAT dan tiga orang pensyarah dari Jabatan Matematik hadir bagi memeriahkan program ini. Antara aktiviti yang disediakan adalah *music chair*, sambut belon, istana pasir, belon beracun dan tarik tali. Dengan berakhirnya program *Family Day* HIMMAT ini, maka berakhirlah MPM 2012 yang diikuti dengan majlis penutupan MPM 2012 yang disempurnakan oleh Penasihat HIMMAT, Prof. Madya Dr. Sabri Ahmad.

# Jadi individu cemerlang sebelum pimpin orang lain



**oleh:** **Fadila kasmawani Fakaruddin**

Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terus mengorak langkah dengan menganjurkan satu program yang dikenali sebagai Bengkel Asas Fasilitator yang telah disertai oleh 106 ahli kelab PRS bertempat di Dataran Kompleks Siswa, HEPA pada 8 Disember 2012. Program ini berlangsung selama dua setengah jam bermula pada jam 8.30 malam dan berakhir pada jam 11.00 malam.

Antara objektif program ini adalah, memberikan pendedahan kepada ahli PRS mengenai panduan membimbing rakan-rakan serta orang sekeliling secara praktikal dan berkesan. Objektif ini selaras dengan matlamat penubuhan kelab PRS di UMT selain meningkatkan kemahiran insaniah kelompok ahli PRS UMT melalui perkongsian pandangan dan pengalaman yang dilakukan secara latihan dalam kumpulan.

Antara modul yang diperkenalkan kepada ahli-ahli PRS adalah seperti melakukan *Ice Breaking* selain mengupas apa yang dimaksudkan dengan menjadi seorang fasilitator di kalangan pelajar. Modul ini lebih menekankan aktiviti dan permainan yang boleh membina hubungan sesama peserta dan juga menekankan latihan dalam kumpulan sebagai persediaan peserta dan ahli untuk menjadi fasilitator yang berkeyakinan. Selain itu, modul Personaliti Unggul turut diperkenalkan kepada ahli PRS dengan memberi pendedahan kepada peserta tentang imej positif dan bentuk personaliti unggul sebagai ikutan dan panduan. Modul ini juga bertujuan memberi inspirasi untuk menjadi individu yang profesional. Di samping itu, ahli-ahli turut diperkenalkan dengan modul *Real Leader* yang mengadaptasikan kisah-kisah pemimpin hebat melalui tayangan video kepada mereka sebagai inspirasi. Modul ini menyedarkan bahawa pentingnya menjadi pemimpin yang cemerlang pada diri sendiri sebelum memimpin orang lain. Bengkel ditamatkan pada jam 11.00 malam. Barisan jawatankuasa program mempunyai keyakinan bahawa program ini dapat memberi impak yang positif bagi pelajar UMT khasnya mahasiswa dari kelab PRS UMT. Secara keseluruhannya, objektif program ini berjaya dicapai. Program-program seperti ini harus dianjurkan lagi pada masa hadapan dan penglibatan para pelajar amat digalakkan.



# Bengkel Pengurusan Organisasi SOHOR UMT



*Ahli SOHOR bergambar dengan Pegawai HEPA, Muhamad Safre bin Muhamad Sani (duduk, tengah) selepas selesai sesi taklimat.*

**oleh:** **Fadila kasmawani Fakaruddin**
**Sumber:** **Kelab SOHOR UMT**

Sekretariat Anak Johor (SOHOR) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengadakan satu Bengkel Pengurusan Organisasi dan 1Citizen pada 7-8 Disember 2012. Bengkel ini terhasil daripada perbincangan Pengarah Program, Nurul Afidah binti Dabot serta Presiden SOHOR, Mohd Fadli bin Husin bersama dengan pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Bengkel yang berlangsung selama dua hari ini diadakan di Makmal Aplikasi Kompleks Kuliah, UMT.

Pada hari pertama, ahli SOHOR diberikan taklimat dan pendedahan berkenaan dunia siber manakala pada hari kedua pula ahli SOHOR telah menduduki ujian 1Citizen dan diberikan taklimat menyeluruh berkenaan pengurusan organisasi dan aktiviti oleh pegawai HEPA, En. Muhamad Safre bin Muhamad Sani. Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada barisan Majlis Tertinggi SOHOR dan pelapis-pelapis SOHOR telah mengikuti kursus ini.

"Program sebegini amat bagus untuk dianjurkan kerana ianya memberi 1001 manfaat kepada semua pelajar. Segala info yang diberikan bukan sahaja boleh dipraktikkan sewaktu menguruskan sesuatu organisasi malahan ianya turut berguna di alam pekerjaan kelak. Bagi kursus 1Citizen pula, ianya telah mula diadakan di semua universiti di Malaysia bagi memberikan pendedahan tentang segala kemungkinan dan segala kesan buruk dunia siber terhadap diri remaja. Akhir kata, saya sebagai Pengarah Program mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program serta saya ingin memohon maaf sekiranya terdapat segala kekurangan dalam menjayakan program ini" ulas Nurul Afidah mengenai program ini.

# Pelajar UMT raih tempat kedua Ikon Varsiti BH 2012




Konvensyen Biologi 2012 (BIOCON 2012) program anjuran Kelab BIOSIS Universiti Malaysia Terengganu telah dipilih sebagai pemenang kedua Ikon Varsiti BH 2012 anjuran akhbar Berita Harian bagi Anugerah kategori Persidangan Seminar pada 25 Januari 2013. Kemenangan ini membolehkan pelajar UMT menerima wang tunai sebanyak RM2000.00, piala dan sijil. Bagi kategori ini, pelajar Universiti Sains Malaysia telah menenangi tempat pertama dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sabah mendapat tempat ketiga.

Pelajar yang terlibat ialah Nurul Afiqah Mohamed Hisham dan Siti Shariqa Mohamad Zaki, kedua-duanya pelajar Sarjana Muda Sains Biologi (Tahun 3) serta Muhammad taufik Awang, Sarjana Muda Sains Gunaan Biodiversiti (Tahun 3). Mereka ini adalah di bawah bimbingan Dr. Andrew A. Ngadin sebagai Penasihat Kelab dan Ketua Jabatan Sains Biologi, Dr. Wan Bayani Wan Omar.

Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat. Semoga kemenangan ini akan menjadi pemangkin kepada mereka untuk mencipta kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

# Derita yang Sunyi

*Tawa yang hilang dihembus bayu*
*Tiada impian dimamah derita*
*Rindu yang tiada pasti bila penghujung*
*Ku harap ini semua akan berakhir*
*Dengarkanlah jeritan suara hati kami*
*Kami ingin kasih sayang di bumi yang aman*
*Adakah esok mentari akan muncul lagi*
*Membawakan sinar suria*
*Memberikan cahaya*
*Kebahagiaan*

**oleh:** Normardiana Mohammad Jaafar

Menghayati setiap bait-bait puisi ini amat memilukan bagi hati seorang manusia yang masih mempunyai nilai insani. Tatkala kita rakus mengejar arus pembangunan, menghayati nilai keamanan, menikmati hasil bumi yang dituai, mereka di sana berderai air mata disebabkan kehilangan orang yang tersayang. Keamanan. Perkataan yang sangat mudah diungkap tetapi kenapa begitu sukar untuk diwujudkan? Kenapa keamanan itu begitu mudah dinoda? Begitu banyak persoalan yang mencengkam pemikiran kita pada hari ini dan dibiarkan sahaja tanpa jawapan. Mungkin persoalan ini akan terus dibiarkan dan dipendam begitu sahaja tanpa jawapan kerana jawapannya telah menjadi mangsa kepada keganasan.

Dewasa ini nilai keamanan semakin rakus ditelan keganasan. Kita sering dihidangkan dengan pelbagai bahan yang kadang-kala sukar diterima oleh akal seorang insan. Pembangunan yang kita capai pada hari ini bukanlah jaminan bahawa nilai kemanusiaan juga turut sama membangun. Mungkin kita terlalu rakus mengejar apa yang ada di hadapan sehingga kita tertinggal sesuatu yang kita warisi selama ini.

Simpati. Itulah perkataan yang mampu dikeluarkan. Namun, semua itu belum mencukupi untuk mengubah kembali semuanya. Mereka dilakukan dengan kejam di bumi nenek moyang mereka sendiri. Darah mereka ditumpahkan di tanah yang mereka huni selama ini. Kita semua adalah sama. Berkongsi bumi yang satu. Bernafas dengan udara yang sama. Oleh itu, peperangan dan keganasan ini harus dihentikan agar kita juga akan menikmati keamanan yang sama.

Pujangga pernah menyatakan jika hati ini ikhlas terhadap sesuatu, maka keikhlasan itu dapat mengatasi segalanya. Mampukan keikhlasan ini menyinarkan kembali bumi PALESTIN yang sedang berdarah kini?

# Petua Panjang Umur



• Pastikan anda makan lima sajian bersaiz kecil setiap hari. Masyarakat di Barat mengambil makanan sebanyak tiga kali sehari tetapi sebenarnya adalah lebih baik anda mengambil lima kali makanan sehari tetapi dalam kuantiti yang kecil sahaja. Apabila seseorang itu kerap mengambil makanan dalam kuantiti yang kecil, kita akan kekal menyalurkan nutrien, tenaga, darah dan gula untuk keperluan tubuh sepanjang hari. Cara begini juga tidak membebankan sistem penghadaman dan metabolisme badan. Ia sekali gus mengurangkan risiko sakit jantung.

• Ubah tabiat menaiki lif dengan menaiki tangga. Senaman setiap hari boleh menjadikan kita seorang yang sihat. Menguatkan sistem imunisasi, otot dan menambah tenaga. Jangan jadikan jadual kerja yang padat sebagai halagan untuk anda melakukan senaman. Cari peluang untuk berjalan laju, berjoging atau mengayuh basikal ke tempat kerja jika dewan kuliah berhampiran dengan kolej kediaman atau rumah anda berhampiran dengan tempat kerja.

• Pastikan minum lapan gelas air sehari. Air amat penting untuk memastikan sistem tubuh dapat berfungsi secara sihat. Para saintis bersetuju bahawa air yang bebas daripada pencemaran bahan kimia dan toksik adalah baik untuk kesihatan dan umur yang panjang. Minumlah air yang telah ditapis di mana proses penapisan terbaik adalah menerusi arang yang diaktifkan kerana ia mengasingkan benda asing, tetapi dalam masa yang sama dapat mengekalkan kandungan mineral. Perlu diingat, elak daripada menyimpan air dalam bekas plastik kerana bahan yang terkandung dalam plastik yang dikenali sebagai polychlorinated biphenyls (PCBs) boleh meresap ke dalam air.

• Memperbanyakkan amal ibadah bagi yang beragama Islam. Memang tidak dinafikan tekanan boleh memendekkan usia seseorang. Menjalani kehidupan moden kini, kita tidak boleh lari daripada tekanan. Dunia pelajar dengan tekanan tugasan dan peperiksaan, begitu juga seorang pekerja dengan tekanan tugas seharian di pejabat. Tekanan ini boleh dilegakan jika kita melakukan ibadah. Menerusi ibadah kita dapat bernafas dengan baik. Apabila pernafasan kita sempurna, ia secara tidak langsung akan membantu menyingkirkan 70% toksin dan benda kotor dalam tubuh anda.

# Awasi Demam Denggi

**Tanda serangan denggi**

* Demam kuat secara mengejut dan berterusan.
* Ruam pada kulit.
* Sakit tulang, otot, sendi, biji mata dan telinga.
* Hilang selera makan.
* Muntah-muntah.
* Sakit perut.
* Pendarahan pada badan, hidung dan mulut.

**Langkah kawal denggi**

* Sistem pemantauan.
* Semburan asap.
* Pemeriksaan premis untuk mencari dan memusnahkan jentik-jentik.
* Menggalakkan penggunaan *abate*.
* Mengedarkan risalah dan pemberitahuan mengenai langkah pengawalan pembiakan nyamuk aedes.
* Bersama memeriksa halaman, dalam rumah dan kolej kediaman.

# Berjalan Kaki Baik untuk Kesihatan

• Berjalan adalah senaman terbaik untuk kaki. Ia juga menyumbang kepada peredaran darah bagi membaik pulih sistem badan.

• Mereka yang dilahirkan dengan masalah kaki hanya dalam peratusan kecil. Jika kaki dibiarkan tanpa penjagaan sempurna termasuk kasut yang kurang bersesuaian, ia mampu membawa kemudaratan.

• Waktu paling sesuai membeli kasut adalah tengah hari kerana kaki mengembang selepas tempoh itu.

• Kajian *American Foot & Ankle Society* pada 2001 mendapati 88% wanita memakai kasut terlalu kecil. 55% daripada populasi ini menghidap *bunion*.

# Bahasa *Ganu Kite!*

oleh: **Cik Bie**

Pertama kali menjejakkan diri di negeri Terengganu, penulis lebih banyak berdiam daripada berkomunikasi dengan komuniti sekeliling. Apabila berkomunikasi baik di pejabat mahupun di tempat awam seperti di pasar malam, kedai makan dan sebagainya, penulis lebih banyak senyum daripada berbual. Bukan kerana sombong atau orang Terengganu sombong, tetapi wujud masalah berkomunikasi. Penulis mengambil masa selama hampir enam bulan untuk betul-betul memahami dialek bahasa *Ganu Kite!* Bak kata pepatah; masuk kandang kambing mengembek dan masuk kandang kerbau menguak. Apabila berada di tempat baharu, kita perlu pandai menyesuaikan diri dengan persekitaran dan tempat yang kita diami sekarang. Pastinya situasi yang sama juga dialami oleh pelajar-pelajar dan kakitangan UMT yang berasal daripada luar Terengganu. Melalui tempoh enam bulan untuk benar-benar memahami dialek Terengganu sebenarnya tidaklah sesukar manapun, ini kerana penduduk di negeri Terengganu ini sebenarnya sangat peramah dan suka memberi tunjuk ajar kepada masyarakat luar. Jika anda tidak faham apa yang dipertuturkan oleh mereka, berterus teranglah bahawa anda tidak faham apa yang mereka tuturkan dan nyatakan kepada mereka anda adalah orang luar. Insya-Allah, mereka akan cuba bertutur dengan bahasa Melayu standard atau menjelaskan kepada anda apa yang mereka tuturkan.

Bersama keluaran ini, penulis ingin berkongsikan beberapa situasi yang penulis alami ketika proses memahami Bahasa *Ganu Kite* dan mendekati masyarakat setempat.

i. *Maghi mane?* (dari mana?)

Pertama kali penulis mendengar ayat "*maghi mane?*" penulis hanya mampu tersengih dan menggeleng kepala, dalam pemikiran penulis, "aku perlu jawab apa?". Dia ini bertanya aku nak "ke mana atau dari mana?" Bagi masyarakat negeri Terengganu ia hanyalah dialog mudah untuk dilontarkan, tetapi bagi "orang luar" seperti penulis berlaku sedikit kekeliruan maksud soalan tersebut. Nasib baik ketika itu, penulis mempunyai sahabat yang merupakan anak jati kelahiran Terengganu. Beliau menjelaskan kepada penulis; "Kalau orang tanya *mu, maghi mane tu, mu* jawab la.. dari rumah" (Kalau orang bertanya kepada kamu, dari mana, kamu jawablah dari rumah).

ii. *Samah* (lima puluh sen)

Penulis: "Berapa kak, harga sayur ni?
Peniaga: "*Samah*..je dik." (lima puluh sen sahaja adik).
* Melihatkan muka penulis sudah *blur*, kakak peniaga itu terus menjawab;
Peniaga: "*Lima posen je dik*."

Pertama kali membeli sayur di pasar malam, penulis terkejut mendengar perkataan "*samah*." Penulis dengan muka "blur" terpinga-pinga menghulurkan RM2.00 kepada peniaga tersebut. Beliau memulangkan kembali kepada penulis RM1.50. Penulis bukan sekadar terkejut kerana perkataan "samah" yang baharu didengar tetapi kerana kadar harga sayuran yang sangat murah, seikat hanya RM0.50!

iii. *Lalu* (sekarang)

Penulis: "I laparlah..jom kita pegi makan."
Rakan penulis: "lalu?" (sekarang)
Penulis: "Ha? Lalu nak pergi mana?

Meskipun peringkat permulaan penulis sering diketawakan kerana kelemahan penulis memahami perkataan "*lalu*," tetapi kini dengan bangganya penulis menuturkannya dalam perbualan seharian. Kadang-kadang tanpa sedar telah mengucapkannya di hadapan saudara mara mahupun sahabat handai yang berada di Kuala Lumpur. Tidak pasal penulis dikutuk kembali oleh mereka!

*Samudera* ingin menjemput sesiapa sahaja yang berminat untuk menceritakan pengalaman berbahasa *Ganu Kite* ataupun menjadi pengajar yang boleh menjadi "sifu" kepada pembaca *Samudera* pada isu akan datang. Pastinya ramai para pelajar dan juga warga UMT yang lain ingin mempelajari cara bertutur bahasa *Ganu Kite* yang betul.

# Program UMT

## Degree ++ SM (Perakaunan) UMT

oleh: **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

Program *Degree++* untuk pelajar Sarjana Muda Perakaunan telah direalisasikan melalui pelaksanaan dua bengkel iaitu Bengkel Pengauditan dan Perisian Audit serta Bengkel Perisian dan Perakaunan Berkomputer. Kedua-dua bengkel ini telah diadakan pada 19 hingga 21 Disember 2012 dan 7-8 serta 22 Disember 2012. Seramai 124 orang pelajar yang terlibat dalam program ini dan kesemua pelajar adalah pelajar semester akhir Sarjana Muda Perakaunan bagi semester 1 2012/ 2013.

Program Audit *Express Certificate* ini dilaksanakan bagi membantu bakal graduan Sarjana Muda Perakaunan UMT melengkapkan pengetahuan dan kemahiran serta lebih berkeyakinan untuk memasuki alam pekerjaan kelak dengan memperoleh Sijil Profesional dalam Perisian Berkomputer Perakaunan dan Pengauditan. Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada bakal graduan berkaitan proses pengauditan sebenar melalui perisian audit yang diterima pakai oleh firma-firma audit di Malaysia bagi meningkatkan tahap kecekapan dan kepantasan proses pengauditan. Selain itu, program ini juga diharapkan dapat membina kemahiran bakal graduan mengendalikan perisian pengauditan serta meningkatkan pengetahuan bakal graduan dalam mengamalkan budaya kerja secara profesional dan berintegriti.

Di akhir program ini, kesemua pelajar telah berjaya menjawab soalan peperiksaan dengan baik. Hampir 80% pelajar telah lulus dengan jayanya bagi peperiksaan UBS. Manakala bagi peperiksaan Audit *Express Certificate*, keputusan peperiksaan bagi 124 orang pelajar akan diumumkan sebulan selepas tarikh peperiksaan diambil. Secara keseluruhannya, bengkel ini telah mencapai objektifnya dan telah membantu menambah nilai dan kebolehpasaran kerja bakal graduan Sarjana Muda Perakaunan (SMP), UMT.

# Kenali Presiden Majlis Sukan Pelajar 2012/2013



**Mohamed Azrai bin Ariffin**

Asalamualaikum dan selamat sejahtera diucapkan kepada semua pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada yang telah menyokong dan memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui kepimpinan Majlis Sukan Pelajar (MSP) bagi sesi 2012/2013 ini. Setinggi penghargaan juga kepada barisan mantan Majlis Tertinggi dan Majlis Eksekutif MSP yang telah berjaya menjayakan AGM dan pemilihan tampuk kepimpinan baharu baru-baru ini. Selain itu kami dari MSP UMT juga ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada atlet UMT yang telah berjaya dalam Sukan IPT (SUKIPT) yang dijalankan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Jasa dan sumbangan anda dalam menaikkan nama UMT di serata negara amatlah tidak ternilai. Tahniah saya ucapkan!

Minat yang mendalam terhadap sukan sejak kecil telah banyak mendorong saya untuk mengambil bahagian dalam MSP UMT agar lebih banyak terlibat dengan sukan sama ada di dalam atau luar UMT. Kejayaan mewakili UMT dalam sukan badminton untuk Sukan MASUM Fasa 1 di UNIMAS menambahkan lagi semangat untuk terus berkhidmat dalam bidang sukan khasnya dan membantu menjaga kebajikan

Biodata

Nama : Mohamed Azraai bin Ariffin
Tarikh Lahir : 4 Mei 1989
Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim
Fakulti : Fakulti Pengajian Maritim & Sains Marin
Kelab : Kelab Badminton UMT (Presiden)
Kelab Seafarers (Timbalan Presiden II)
Penglibatan sukan : Presiden kelab Badminton UniKL MIMET 2008-2010
Johan Badminton Minggu KO-K (Perseorangan)
Johan Sukan Muhibbah 2011(Badminton)
Johan Sukan Antara Fakulti 2011
Johan Bola Tampar Sukan Muhibbah 2012
Mewakili UMT untuk MASUM Fasa 1 di UniMAS 2012

para atlet secara amnya. MSP UMT merupakan satu badan pelajar yang bertujuan menjaga kebajikan pelajar selain daripada membantu meningkatkan tahap sukan di UMT ini. Dengan menggabungkan semua presiden-presiden kelab sukan yang ada di dalam UMT, MSP UMT berharap agar peningkatan dari segi kesedaran para pelajar bahawa hadirnya MSP UMT untuk membantu mereka dalam menjaga kebajikan sukan dapat direalisasikan. Selain itu, MSP UMT juga berfungsi sebagai badan untuk menunjuk ajar cara dan perkara-perkara bagi mengelolakan sesuatu kejohanan sukan dengan betul. Harapan MSP UMT kali ini adalah supaya para pelajar lebih banyak melibatkan diri dalam bidang sukan tidak kira apa jenis sekalipun supaya sukan di UMT ini nampak lebih bernyawa dan bertenaga. Sertailah kelab-kelab sukan dan kejohanan-kejohanan peringkat UMT dan peringkat luar. Teruskan menyokong dan Insya-Allah, dengan kepercayaan yang diberikan, kami di MSP UMT akan bekerja dengan komited agar amanah yang anda semua beri akan dipikul dengan penuh semangat. Sokongan anda semua adalah dorongan kepada kami! Majulah sukan untuk UMT!

# Festival Tari *Artistry in Rhythm*

**oleh:** Suriaty Khalid, Mohd Shahreezad Abd Satad
Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Pejabat HEPA

Satu festival tari *Artistry in Rhythm* telah diadakan di Kolej HELP, Kuala Lumpur pada 1 Disember 2012. Festival ini telah disertai oleh 12 kumpulan IPTA/S di seluruh Malaysia. Pusat Kebudayaan dan Kesenian telah menghantar kumpulan kesenian Kelab Persadatari untuk mewakili UMT dan mempertaruhkan medley tari rakyat Terengganu menggunakan lagu-lagu; pintal tali, watimang landak, patendu patende dan embon sok sek. Gerak tari tersebut telah diolah dengan gabungan asli dan kreatif dan diberi suntikan baharu agar lebih mantap dan berkualiti untuk dipersembahkan.



Pertandingan ini telah berlangsung bermula jam 6.00 petang yang mana perasmiannya telah disempurnakan oleh Pengarah Kolej HELP Kuala Lumpur. Semua kumpulan mempersembahkan persembahan yang menarik dan penuh dengan idea baharu. Pertandingan ini telah diadili seramai 3 orang yang merupakan aktivis seni tari di sekitar Kuala Lumpur. Pada malam tersebut telah diumumkan pemenang yang mana Johan dimenangi oleh Universiti Teknologi Petronas (UTP), Naib Johan UMT dan Ketiga German Malaysian Institute. Dengan kemenangan yang diperolehi, kumpulan kesenian Kelab Persadatari UMT telah membawa pulang wang tunai RM1000.00 dan sijil.

# UMT anjur Kejohanan Badminton Wanita

## Piala Isteri Menteri Besar Terengganu



YBhg. To' Puan Seri Hjh. Norliza Mahmud bersalaman dengan para peserta sambil diiringi oleh mantan Timbalan Naib Canselor HEPA UMT, YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim (dua dari kiri) dan isteri, Prof. Madya Dr. Norsiah Ahmad (paling kiri).



Ketua Pusat Sukan dan Rekreasi UMT, Tn. Hj. Mohamad Rafee Jusoh (dua dari kiri) bergambar dengan pemenang.

Kejohanan Badminton Wanita Piala Isteri Menteri Besar Terengganu ini merupakan kali kedua yang dianjurkan oleh Pusat Sukan dan Rekreasi, HEPA dengan kerjasama Kelab Badminton UMT (Pelajar) pada 7 Disember 2012. Kejohanan ini juga mendapat tajaan sepenuhnya daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Bagi penganjuran Kejohanan Edisi Ke-2 Tahun 2012 ini yang diadakan di Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, UMT, YBhg. To' Puan Seri Hajah Norliza Mahmud, isteri Menteri Besar Terengganu telah meluangkan masa untuk merasmikan kejohanan ini. Perasmian kejohanan juga menyaksikan perlawanan persahabatan di antara Pasukan Serikandi Terengganu menentang pasukan pilihan UMT.

Penganjuran kali ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dengan 18 pasukan yang ingin menyertai kejohanan tetapi terpaksa dikecilkan kepada 15 pasukan kerana kekangan masa kejohanan yang diperuntukkan.

Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| JOHAN | UniSZA (Kumpulan A) |
| NAIB JOHAN | UMT (Kumpulan A) |
| KE 3/4 | Kolej PTPL dan UniSZA (Kumpulan D) |

# SUKMA XVI Pahang 2013: 9 pelajar UMT wakili Terengganu

Tahniah diucapkan kepada sembilan orang pelajar Universiti Malaysia Terengganu yang telah dipilih untuk mewakili kontijen negeri Terengganu dalam Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Kali Ke-XVI yang akan berlangsung di negeri Pahang. Pemilihan ini membuktikan usaha UMT menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang mahu melahirkan "The Thinking Athlete", sekurang-kurangnya 30% daripada atlet negara. Bahagian Sukan dan Rekreasi UMT telah bekerjasama dengan Majlis Sukan Negeri Terengganu bagi memperkasakan pembangunan atlet dalam kalangan pelajar UMT. Berikut adalah senarai nama pelajar yang terlibat:

i. Muhammad Shazmir bin Roslan (UK25921) Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM)
 - Acara *Rowing*

2. Mohamad Fadzil bin Awang (UK25422) Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM)
 - Acara *Rowing*

3. Mohammad Ikram bin Abd. Aziz (UK28393) FMSM
 - Acara *Rowing*

4.Norshazlin binti Che Adnan (UK25072) FST
 - Acara *Rowing*

5.Mazidah binti Mat Tarmizi (UK25072) FMSM
 - Acara *Rowing*

6.Eleonie Rikan Marten (UK27777) FST
 - Acara *Rowing*

7.Nur Fazlina binti Ismail(UK25802) FPE
 - Acara *Rowing*

8.Fity Susanty Hawang (UK27680) FMSM
 - Acara *Rowing*

9.Mohd Akmal Asyraf bin Haslizam (UK24533) FPAI
 - Acara Memanah




# Impian ke Menara Gading (*Dream to University*)

Anda ingin melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)? Pastikan anda mendapat maklumat berkaitan di Karnival Jom Masuk 'U' anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang akan menjelajah ke seluruh negara. Jangan lepaskan peluang ke lokasi berikut:

| Tarikh | Negeri | Lokasi | Urus setia Bersama |
|---|---|---|---|
| 2-3 Mac 2013 | Sarawak | Padang Merdeka<br>Kuching<br>Sarawak | UNIMAS<br>JPN Sarawak |
| 9-10 Mac 2013 | Pulau Pinang | Dewan Millenium<br>Kepala Batas<br>Pulau Pinang | USM<br>JPN Pulau Pinang |
| 16-17 Mac 2013 | Pahang | Sultan Ahmad Shah<br>International Convention Centre<br>Kuantan<br>Pahang | UMP<br>JPN Pahang |
| 22-23 Mac 2013 | Terengganu | Perkarangan Stadium Tertutup Gong Badak<br>Kuala Terengganu<br>Terengganu | UMT<br>JPN Terengganu |
| 30-31 Mac 2013 | Kelantan | Perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV<br>Kota Bharu<br>Kelantan | Politeknik Kota Bharu<br>JPN Kelantan |
| 6-7 April 2013 | Perak | Dewan Jubli Perak<br>Kuala Kangsar<br>Perak | |
| 13-14 April 2013 | Johor | PESADA Johor<br>Johor Bahru<br>Johor | |

Anda boleh mendapatkan maklumat daripada lebih 20 IPTA dan 100 IPTS terpilih, Bahagian/Agensi di Kementeri Pengajian Tinggi (KPT) seperti BKPT JPT, Jabatan Pengajian Politeknik, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Bahagian Biasiswa KPT, MQA dan PTPTN.